

JUN
2020

Aspirasi
Kejemplangan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my



Daulat Tuanku

MERAFAK SEMBAH DAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH
D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(Terengganu), D.K.(Johor),
S.P.M.J., D.K.M.B.(Brunei), D.K.(Kedah), D.K.(Perlis), D.K.(Perak).

sempena
ULANG TAHUN KEPUTERAAN RASMI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Pada 8 Jun 2020 bersamaan 16 Syawal 1441 Hijrah



YB ADUN KERDAU LAWAT TAPAK PROJEK KEDAI DESA RAKYAT KUALA KERDAU



YB Dato Sri Syed Ibrahim menunjukkan tanda bagus selepas selesai melawat projek

YB Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam, Pelajaran dan Kesihatan Negeri Pahang, Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad, merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Kerdu telah meluangkan masa untuk turun padang bagi meninjau pembangunan Projek Kedai Desa Rakyat Kuala Kerdu baru-baru ini.

Projek Kedai Desa Rakyat Kuala Kerdu, Temerloh dibangunkan oleh PKNP sebagai memenuhi tanggungjawab sosial PKNP dalam menyediakan

dan membangunkan kemudahan sosial untuk rakyat setempat khususnya di kawasan luar bandar.

Projek ini mendapat kelulusan peruntukan berjumlah RM1.2 juta daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) pada tahun 2019 melibatkan pembinaan dua unit gerai Jenis A (12m x 6m) dan empat unit gerai Jenis B (7m x 8.5m). Pada peringkat awal projek ini dijangka siap pada bulan Disember 2019. Walau bagaimanapun disebabkan beberapa masalah teknikal, tempoh lanjutan siap telah diberikan kepada pihak kontraktor dengan jangkaan siap pada bulan Ogos 2020. Prestasi kerja tapak kini telah mencapai 93%.



Wakil PKNP (dua dari kiri) memberikan penerangan kepada YB ADUN Kerdu

SESI MESYUARAT JAWATANKUASA PEMERIKSAAN BAJET PERMOHONAN PROGRAM PEMBANGUNAN ROLLING PLAN PERTAMA RMK-12



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP mengetuai mesyuarat

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar telah mengetuai sesi Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksaan Bajet Permohonan Program/Projek Pembangunan Rolling Plan Pertama RMK-12 yang telah diadakan Dewan Seminar EDC baru-baru ini melalui aplikasi Skype for Business. Mesyuarat ini adalah di bawah seliaan Bahagian Pembangunan Ekuiti, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi membuat pemeriksaan ke atas permohonan bajet untuk program yang dipohon PKNP bagi tahun 2020 - 2021.

Mesyuarat ini turut dihadiri Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Bahagian Teknik, Pengurus Bahagian Perindustrian, Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Pengurus Bahagian Pembangunan Hartanah selaku urus setia mesyuarat serta pegawai-pegawai kanan bahagian terlibat.

PKNP TURUN PADANG BERTEMU PARA USAHAWAN - KUMPUL MAKLUM DARI MAKLUM BALAS

Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan telah turun padang dan bertemu para usahawan di bawah bimbingan PKNP di sekitar Serambi Teruntum, Medan Niaga Tenun dan Kompleks Teruntum pada minggu ini. Matlamat utama lawatan ini adalah untuk membuat kaji selidik dan mendapatkan maklum balas daripada usahawan-usahawan yang terjejas akibat wabak Covid-19. Daripada maklum balas yang diterima, terdapat usahawan yang menerima kesan negatif daripada wabak Covid-19. Namun, terdapat juga usahawan yang mencatatkan jualan dengan peningkatan melebihi 80% ketika Covid-19. Lawatan kali ini diketuai oleh Pengurus Bahagian Pembangunan Komuniti & Keusahawanan, En Nasry Kassim disertai En Muhammad Jabrul Akmal Mat Yahya dan En Mohamad Amirul Hanzah.



Encik Nasry Kassim dan Encik Muhammad Jabrul melawat kedai milik Usahawan PKNP

KELAB KELUARGA ANJUR PROGRAM ZIARAH SYAWAL PESARA-PESARA PKNP

Kelab Keluarga Kumpulan PKNP melalui Biro Agama dan Kebajikan terus mengambil inisiatif dengan menganjurkan program ziarah syawal pesara-pesara PKNP yang keuzuran dan memerlukan bantuan kewangan serta waris ahli-ahli kelab yang telah meninggal dunia di sekitar daerah Kuantan pada 15 Jun 2020. Seramai dua orang pesara PKNP dan dua orang anak waris ahli yang meninggal

dunia telah menerima sumbangan berupa wang tunai hasil daripada kutipan melalui sumbangan ahli-ahli Kelab Keluarga Kumpulan PKNP. Naib Presiden Kelab, Encik Nasry bin Kassim dan Setiausaha Agung Kelab, Encik Abdul Nasir bin Abdul Manan telah menyampaikan sumbangan tersebut.



Encik Nasry Kassim menyerahkan sumbangan kepada anak salah seorang pesara PKNP

SIDANG REDAKSI

Penaung / Penasihat

Encik Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Penyelaras Penerbitan

Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

Ketua Editor

Puan Mazilah binti Mansor
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

Grafik

Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli
Encik Mohd Firdaus bin Abdul Hamid

Jurufoto

Encik Iskandar bin Abdul Samad